



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM  
KOD KURSUS : MPU 2313  
PEPERIKSAAN : APRIL 2019  
MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)  
BAHAGIAN B (75 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

○

○

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Islam disebut sebagai Al-Deen kerana sebab-sebab berikut:

- i. Islam satu-satunya agama yang diredai Allah SWT.
- ii. Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam.
- iii. Islam agama yang mengikut kesesuaian dan citarasa penganutnya.
- iv. Islam mampu menyelesaikan semua persoalan dan masalah hidup manusia.

- A i, ii  
B i, iii  
C ii,iv  
D i,ii,iv

2. Dalam Islam, seseorang itu dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat padanya unsur-unsur berikut:

- i. niat.
- ii. baligh.
- iii. berakal.
- iv. mukallaf.

- A i, ii  
B i, iii  
C ii,iii, iv  
D i,ii,iii

3. "Patuh dan menyerah diri kepada Allah dengan penuh kesedaran dan kerelaan tanpa paksaan". Pernyataan tersebut adalah merujuk kepada
- A Iman.
  - B Islam.
  - C Ihsan.
  - D Akhlak.
4. "Pengakuan dengan lidah (lisan), membenarkan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun-rukun (anggota-anggota)". Pernyataan tersebut adalah merujuk kepada
- A Iman.
  - B Islam.
  - C Ihsan.
  - D Akhlak.
5. "Peraturan-peraturan berhubung nilai baik dan buruk antara manusia sesama manusia serta antara manusia dengan alam dan Tuhan". Pernyataan tersebut adalah merujuk kepada
- A Iman.
  - B Islam.
  - C Ihsan.
  - D Akhlak.
6. Kitab suci utama yang wajib diketahui
- i. Injil – Nabi Musa.
  - ii. Zabur – Nabi Daud.
  - iii. Taurat – Nabi Isa.
  - iv. Al-quran – Nabi Muhammad SAW.
- A i, ii
  - B i, iii
  - C ii,iii, iv
  - D i,ii,iii, iv

7. Pilih pernyataan yang benar tentang tugas malaikat yang wajib diketahui.
- A Malik a.s – menjaga neraka.
  - B Ridwan a.s – mencabut nyawa.
  - C Jibrail a.s – meniup sangkakala pada hari kiamat.
  - D Mungkar dan Nankir a.s – malaikat yang membawa wahyu kepada rasul dan nabi.
8. Proses tukar menukar barang dengan barang atau dengan wang mengikut cara-cara tertentu adalah merujuk kepada
- A Ibadat.
  - B Jinayat.
  - C Muamalat.
  - D Munakahat.
9. Minum arak atau minuman yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak, mabuk atau tidak memabukkan merupakan satu kesalahan yang wajib dikenakan hukuman
- A Diat.
  - B Qisas.
  - C Takzir.
  - D Hudud.
10. Hukum menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam adalah
- A Wajib.
  - B Sunat.
  - C Harus.
  - D Haram.

11. Berikut ialah tanggungjawab ibu bapa kepada anak.

- i. melakukan akikah.
- ii. memberi nama yang baik.
- iii. mengajar membaca Al-quran.
- iv. memberi pendidikan yang sempurna.

- A i, ii  
B i, iii  
C ii,iii, iv  
D i,ii,iii, iv

12. Apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat Islam?

- A Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara.
- B Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang beragama Islam serta mempraktikkan ajaran Islam.
- C Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang mempunyai pelbagai agama dan pegangan.
- D Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang beragama Islam tetapi tidak mempraktikkan ajaran Islam.

13. Manakah antara berikut bukan peranan pemerintah yang mentadbir sesebuah negara dalam skop pendidikan?

- A Pemerintah sewajarnya menyediakan peluang pendidikan kepada penduduknya dari tahap yang paling rendah hingga ke tahap yang paling tinggi.
- B Pemerintah sewajarnya menubuhkan lebih banyak institusi pengajian tinggi(IPT) bagi menjamin tempat yang mencukupi kepada lepasan-lepasan sekolah yang mendapat kelulusan cemerlang.
- C Pemerintah tidak sewajarnya dipertanggungjawabkan ke atas keciciran yang berlaku dalam kalangan penduduknya dalam pendidikan.
- D Pemerintah sewajarnya menyediakan dana untuk membiayai pendidikan rakyatnya, terutama bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah.

14. Khulafa' al-Rashidin merupakan khalifah yang memerintah dan mentadbir Negara Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Mereka ialah pengganti Rasulullah SAW. Manakah antara berikut merupakan individu yang pernah memegang jawatan ini?

- i. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a.
- ii. Khalifah Umar bin al-Khattab r.a.
- iii. Khalifah Uthman bin Affan r.a.
- iv. Khalifah Ali bin Abi Talib r.a.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii,iii, iv
- D i,ii,iii, iv

15. Berikut merupakan antara prinsip umum ekonomi Islam **kecuali**

- A Berteraskan prinsip keadilan dan kebajikan sosial.
- B Semua kegiatan ekonomi hanya bertujuan keuntungan semata-mata.
- C Tiada unsur penipuan atau kekaburan yang boleh mengelirukan pelanggan.
- D Penghasil barangan dan perkhidmatan memberi manfaat kepada pengguna.

16. Di dalam ekonomi Islam, syarat sesuatu barangan yang menjadi barang jualan atau belian dalam aktiviti ekonomi mestilah berharga, mampu diserahkan dan boleh dimiliki, mempunyai manfaat dan dibenarkan di sisi syarak. Manakah antara berikut jenis barangan yang dianggap sukar untuk dimiliki atau didapati?

- A Ikan dalam laut.
- B Ayam dalam reban.
- C Tanah yang dimiliki sepenuhnya.
- D Rumah yang dalam proses pembinaan.

17. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan keruntuhan moral yang berlaku dalam kalangan remaja?

- A Membaca dan mempelajari budaya orang barat.
- B Menyanyi, menari dan menghabiskan masa seharian mendengar lagu Korea.
- C Menonton wayang dengan tujuan mengeratkan hubungan dan menghabiskan masa bersama keluarga.
- D duduk dan makan di kedai sambil membincangkan perkara-perkara berkaitan perniagaan dan hala tuju kehidupan.

18. Berikut antara punca berlakunya keruntuhan moral

- i. kuat penghayatan agama.
- ii. sifat ingin cuba yang salah.
- iii. keperibadian dan jati diri yang lemah.
- iv. penekanan pendidikan yang tidak seimbang.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii,iii, iv
- D i,ii,iii, iv

19. Berikut merupakan tujuan utama pembangunan menurut Islam kecuali

- A memenuhi keperluan dan kehendak manusia.
- B peningkatan taraf hidup, perilaku, dan daya pemikiran manusia.
- C melaksanakan tanggungjawab khalifah untuk memakmurkan dan membangunkan dunia.
- D bersaing dengan negara kepada barat dalam pembangunan walaupun pembangunan tersebut akan membawa kemusnahan alam.



20. Islam menggalakkan aktiviti pembangunan yang membawa dan menunjukkan kemajuan sesebuah negara. Namun, pembangunan tersebut haruslah menyumbang kepada masyarakat sosial serta memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam syariat Islam antaranya

- i. masjid sebagai pusat aktiviti sosial
- ii. pusat rekreasi seperti kolam renang diasaskan mengikut ciri-ciri Islam
- iii. pejabat kerajaan dan pusat membeli belah perlu mewujudkan satu kawasan ibadat untuk pengunjung Islam menunaikan solat.
- iv. pusat hiburan alternatif Islam diwujudkan bagi mengelakkan generasi muda Islam terjebak dengan kegiatan sosial yang negatif seperti penagihan dadah dan perlumbaan haram

- A i, ii  
B i, iii  
C ii,iii, iv  
D i,ii,iii, iv

21. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan pembangunan, kemajuan Sains, Teknologi dan ICT yang menyalahi syariat Islam?

- A Kemajuan telefon pintar yang membolehkan manusia berhubung tanpa sempadan dunia
- B Bayi tabung uji bagi pasangan yang belum hamil yang mana menggunakan benih atau air mani bukan milik suaminya untuk tujuan persenyawaan bayi.
- C Menggugurkan bayi dalam kandungan atas nasihat doktor kerana membahayakan nyawa ibunya.
- D Menggunakan vaksin untuk mencegah penyakit contohnya vaksin mencegah kanser pangkal rahim untuk golongan remaja perempuan.

22. Siapakah nama angkasawan Islam pertama Malaysia yang berjaya pergi melengkapkan misinya ke angkasa lepas pada 25 September 2007?
- A Syed Saddiq.
  - B Dr Mazlan Ahmad.
  - C Mejar Dr Faiz Khaleed.
  - D Dr Sheikh Muszhaphar Shukor.
23. Salah faham tentang Islam tersebar dalam kalangan umat Islam sendiri dan bukan Islam hasil daripada pengenalan modenisme oleh penjajahan barat ke dunia Islam. Manakah antara berikut bukan faktor dalaman dan luaran yang menjadi sebab kepada berlakunya salah faham terhadap Islam?
- A Perpaduan Wilayah Islam Yang Luas
  - B Kurang ilmu pengetahuan agama Islam
  - C Perkembangan ajaran sesat atau salah
  - D Serangan pemikiran oleh orientalis barat
24. Berikut merupakan antara hujah daripada Al-Quran dan Hadis yang dimanipulasi oleh pihak orientalis Barat.
- i. Nabi Muhammad SAW tidak layak menerima wahyu kerana baginda ummi iaitu tidak boleh membaca dan menulis atau tidak cerdik dalam ilmu pengetahuan.
  - ii. Rasulullah SAW dianggap sebagai penggemar poligami dan suka mengamalkan poligami luar biasa.
  - iii. Agama Islam ialah Al-deen. Agama iaitu satu pegangan yang menitikberatkan soal dunia dan akhirat.
  - iv. Al-Quran dan Hadis menjadi sumber utama dalam pelbagai permasalahan yang berlaku.
- A i, ii
  - B i, iii
  - C ii,iii, iv
  - D i,ii,iii, iv

25. Hukum menghina dan mempersendakan Rasulullah SAW ialah

- A haram dan berdosa kecil.
- B haram dan tidak berdosa.
- C Haram dan berdosa besar.
- D Haram dan tidak berdosa besar.

[25 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Islam agama yang diredai Allah SWT, diturunkan untuk membimbing manusia bagi memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk menyampaikan ajaran-Nya bagi mencapai matlamat tersebut melalui panduan al-Quran. Perkara yang menjadi asas kepada agama Islam ialah rukun Islam dan rukun Iman.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Senaraikan **lima(5)** rukun Islam.

(5 markah)

b. Terangkan **lima(5)** kelebihan agama Islam

(10 markah)

**SOALAN 2**

Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak. Manakala, Syariah pula mempunyai empat bahagian iaitu ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Nyatakan **lima(5)** jenis pekerjaan yang dianggap suatu ibadat.

(5 markah)

b. Huraikan **lima(5)** hikmah perkahwinan menurut Islam.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Pendidikan merupakan satu latihan akliah, jasmaniah dan rohaniah dengan matlamat untuk melahirkan manusia, lelaki dan perempuan yang memiliki kebudayaan tinggi dan sanggup melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Berikan **lima(5)** nama institusi pengajian tinggi awam yang ternama di Malaysia.  
(5 Markah)
- b. Bincangkan **lima(5)** kepentingan menuntut ilmu menurut pandangan Islam.  
(10 Markah)

**SOALAN 4**

Pemerintahan dan pentadbiran Islam memaparkan konsep serta prinsip pentadbiran sesebuah Negara dengan mengambil contoh apa yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan juga para Khulafa' al-Rasyidin. Kedua-dua zaman tersebut disifatkan sebagai kurun terbaik, memandangkan mereka ialah orang yang hampir dengan Rasulullah SAW dan mendapat segala ajaran Islam secara langsung daripada baginda sendiri.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Nyatakan **lima(5)** sifat keperibadian Rasulullah SAW.  
(5 markah)
- b. Terangkan **lima(5)** peranan pemimpin Islam terhadap sesebuah negara Islam.  
(10 markah)

**SOALAN 5**

Gejala keruntuhan moral atau akhlak kian menular dalam kalangan masyarakat dengan pelbagai ragamnya. Keruntuhan akhlak terdiri daripada sekecil-kecil kesalahan perilaku seperti ponteng sekolah dan tidak menghormati guru sehingga melibatkan suatu perilaku yang ditakrifkan sebagai jenayah.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Berikan **lima(5)** gejala keruntuhan moral yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini.

(5 markah)

- b. Bincangkan **lima(5)** peranan individu Islam yang perlu disedari sebagai langkah mengawal dan menyelamatkan dirinya daripada terjebak dengan gejala keruntuhan moral.

(10 markah)

**[75 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**